

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Pembiayaan Semula Eksport Kredit-*i* ("ECR-*i*") sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pembiayaan dan/atau perniagaan anda.)



Pembiayaan Semula Eksport Kredit-*i*



1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Semula Eksport Kredit-*i* ("ECR-*i*") menyediakan alternatif pembiayaan jangka pendek bagi pra- dan selepas penghantaran kepada pengeksport secara langsung/tidak langsung untuk menggalakkan eksport barangan pembuatan, produk pertanian dan komoditi utama yang 'Halal', melalui penyediaan kemudahan pembiayaan patuh Shariah.

Pra-penghantaran ECR-*i* ialah kemudahan yang memudahkan pengeluaran barangan yang layak untuk dieksport sebelum penghantaran serta menggalakkan hubungan di antara pengeksport dan pembekal tempatan dalam pembangunan industri.

Pasca-penghantaran ECR-*i* ialah kemudahan yang menghubungkan keperluan pembiayaan pengeksport daripada penghantaran kepada resit pembayaran bil eksport.

2. Apakah kontrak/konsep Syariah yang diguna pakai?

Pra-penghantaran ECR-*i*

Kontrak/konsep yang diguna pakai untuk membiayai pembelian bahan mentah dan kos sampingan lain antara pengeksport Malaysia dan Bank-bank ECR-*i* adalah 'Murabahah (kos tambah keuntungan) diikuti dengan tawarruq antara EXIM Bank dan Bank ECR-*i* untuk pembiayaan semula bil.

- **Murabahah:**
Murabahah merujuk kepada penjualan dan pembelian aset dimana kos perolehan dan tokokan didedahkan kepada pembeli.
- **Tawarruq:**
Tawarruq merujuk kepada penjualan dan pembelian dengan dua peringkat transaksi. Pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli pada harga tertangguh. Kemudian, pembeli pada jualan pertama akan membeli aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta.

Pasca-penghantaran ECR-*i*

Urus niaga ini adalah diantara pengeksport, Bank ECR-*i* dan EXIM Bank dan konsep yang diguna pakai ialah konsep 'Tawarruq. Di bawah perjanjian ini, pengeksport, sebagai pemilik eksport, melantik Bank ECR-*i* sebagai ejen pemungut untuk mengutip bayaran daripada Bank pengimport.

- **Tawarruq**
Tawarruq merujuk kepada penjualan dan pembelian dengan dua peringkat transaksi. Pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli pada harga tertangguh. Kemudian, pembeli pada jualan pertama akan membeli aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta.

3. Apakah yang akan saya dapat dari produk ini?

Harga Jualan	Matawang ()* : _____ * Matawang yang diterima adalah RM dan USD.
Jumlah Pembiayaan	Matawang ()* : _____ * Matawang yang diterima adalah RM dan USD.

Margin Pembiayaan	<p>Pra-penghantaran</p> <ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan pesanan <ul style="list-style-type: none"> Pengeksport secara langsung: margin pembiayaan sehingga 95% ke atas nilai pesanan eksport Pengeksport secara tidak langsung: sehingga 95% dari Surat Kredit Domestik ECR-<i>i</i> (DLC), Pesanan Pembelian Domestik (DPO) atau Pesanan Pembelian Tempatan (LPO) Perakuan Prestasi (CP) <ul style="list-style-type: none"> Pengeksport secara langsung (Perkilangan & Perdagangan) – 100% daripada nilai eksport bagi 12 bulan sebelumnya Pengeksport secara tidak langsung (Perkilangan & Perdagangan)- 80% daripada nilai eksport bagi 12 bulan sebelumnya <p>Pasca-penghantaran Sehingga 100% daripada nilai bil eksport. Tertakluk pada ketersediaan had kredit ECR-<i>i</i> dengan bank perdagangan dan had pentadbiran EXIM Bank.</p>
Tempoh	Pra-penghantaran: Sehingga 120 hari Pasca-penghantaran: Sehingga 183 hari
Kadar Keuntungan Efektif	Ditentukan oleh EXIM dari semasa ke semasa
<p><i>Contoh:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Jumlah Dibiayai : RM xxx Kadar Keuntungan Bank (kadar keuntungan siling) : XX% Kadar Keuntungan Efektif : COF-<i>i</i> + Sebaran <ul style="list-style-type: none"> Margin pembiayaan: XX% Tempoh: XX hari Harga jualan Bank : RM xxx 	
<p><i>Nota: 1. Contoh diatas hanya bertujuan untuk penjelasan ilustrasi sahaja dan tidak menunjukkan kewajipan pembiayaan sebenar.</i></p> <p><i>2. Kadar keuntungan tertakluk kepada kos dana tambah sebaran. Sebaran adalah berdasarkan penarafan risiko syarikat dan pertimbangan – pertimbangan bukan kuantitatif yang lain.</i></p>	

4. Apakah tanggungjawab-tanggungjawab saya?

- Anda dikehendaki untuk membayar keuntungan pihak Bank berdasarkan jumlah penggunaan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (“EPR”) semasa pihak Bank, yang mana tidak melebihi Kadar Siling (“CR”) (Kadar Keuntungan maksimum yang dibenarkan).
- Dibawah konsep pembiayaan berkadar berubah, pihak Bank akan memberikan *ibra’* keatas perbezaan diantara jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan CR dan jumlah keuntungan berdasarkan EPR.
- Anda dikehendaki untuk membuat bayaran penuh untuk bayaran keuntungan tertunggak dan bahagian utama daripada Harga Jualan Bank apabila tamat tempoh kemudahan dan berdasarkan jadual pembayaran yang telah disediakan atau dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- Anda hendaklah menyediakan cagaran tambahan sekiranya diperlukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum
1.	Permohonan baru untuk capaian	RM50
2.	Permohonan untuk Sijil Prestasi (CP) <ul style="list-style-type: none"> Terbitan CP Semakan Had CP 	RM50 RM50
3.	Pra-penghantaran (Fi pemprosesan setiap transaksi) <ul style="list-style-type: none"> Penyerahan Pembayaran Pembayaran Sebahagian Penyelesaian Awal Penebusan 	RM5 RM5 RM5 RM5 RM5

4.	Pasca-penghantaran (Fi pemprosesan setiap transaksi) <ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan Semula • Penyelesaian Awal • Penebusan 	RM5 RM5 RM5																																	
<table border="1"> <thead> <tr> <th>No.</th> <th>Jenis Fi dan Caj</th> <th>Kuantum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>5.</td> <td>Laporan (Fi Pemprosesan setiap transaksi) <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Pengesahan Harian • Laporan Keuntungan Hujung Bulan Pra-penghantaran • Laporan Suku Penggal Pasca-penghantran </td> <td>RM5 RM10 RM10</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Kemaskini atas talian untuk transaksi ECR-<i>i</i> Pra-penghantaran <ul style="list-style-type: none"> • Penyerahan • Pembayaran • Pembayaran Sebahagian • Penyelesaian awal • Penebusan Pasca-penghantaran <ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan Semula • Penyelesaian Awal • Penebusan </td> <td>RM10 RM10 RM10 RM10 RM10 RM10 RM10 RM10</td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td>Lain-lain <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan untuk menaikkan Had Pentadbiran (lebih daripada RM100 Juta) • Kelulusan Khas • Fi Pengendalian • Fi Penghantaran </td> <td>RM200 RM50 RM50 RM5</td> </tr> <tr> <td>8.</td> <td>Duti Setem</td> <td>Seperti Akta Setem 1949 di Malaysia dan/atau keperluan penyeteman di negara lain (jika berkaitan)</td> </tr> <tr> <td>9.</td> <td>Caj SWIFT</td> <td>RM70</td> </tr> <tr> <td>10.</td> <td>Fi Pengesahan Audit</td> <td>RM100</td> </tr> <tr> <td>11.</td> <td>Fi Surat/Penyata Penebusan</td> <td>RM50 (Pelanggan PKS)</td> </tr> <tr> <td>12.</td> <td>Fi Surat Sokongan</td> <td>RM100 (Pelanggan PKS)</td> </tr> <tr> <td>13.</td> <td>Fi Guaman</td> <td>Mengikut caj sebenar yang dikenakan oleh penguam</td> </tr> <tr> <td>14.</td> <td>Pos / Caj Penghantaran <u>Pihak Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Mel Biasa • Mel Berdaftar • Perkhidmatan kiriman cepat/Serahan tangan <u>Pihak Asing</u> <ul style="list-style-type: none"> • Mel Biasa • Mel Berdaftar • Perkhidmatan kiriman cepat </td> <td>Min.RM3 Min.RM6 Min.RM7 Min.RM4 Min.RM8 Min.RM50 – berbeza mengikut lokasi</td> </tr> </tbody> </table>			No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum	5.	Laporan (Fi Pemprosesan setiap transaksi) <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Pengesahan Harian • Laporan Keuntungan Hujung Bulan Pra-penghantaran • Laporan Suku Penggal Pasca-penghantran 	RM5 RM10 RM10	6.	Kemaskini atas talian untuk transaksi ECR- <i>i</i> Pra-penghantaran <ul style="list-style-type: none"> • Penyerahan • Pembayaran • Pembayaran Sebahagian • Penyelesaian awal • Penebusan Pasca-penghantaran <ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan Semula • Penyelesaian Awal • Penebusan 	RM10 RM10 RM10 RM10 RM10 RM10 RM10 RM10	7.	Lain-lain <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan untuk menaikkan Had Pentadbiran (lebih daripada RM100 Juta) • Kelulusan Khas • Fi Pengendalian • Fi Penghantaran 	RM200 RM50 RM50 RM5	8.	Duti Setem	Seperti Akta Setem 1949 di Malaysia dan/atau keperluan penyeteman di negara lain (jika berkaitan)	9.	Caj SWIFT	RM70	10.	Fi Pengesahan Audit	RM100	11.	Fi Surat/Penyata Penebusan	RM50 (Pelanggan PKS)	12.	Fi Surat Sokongan	RM100 (Pelanggan PKS)	13.	Fi Guaman	Mengikut caj sebenar yang dikenakan oleh penguam	14.	Pos / Caj Penghantaran <u>Pihak Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Mel Biasa • Mel Berdaftar • Perkhidmatan kiriman cepat/Serahan tangan <u>Pihak Asing</u> <ul style="list-style-type: none"> • Mel Biasa • Mel Berdaftar • Perkhidmatan kiriman cepat 	Min.RM3 Min.RM6 Min.RM7 Min.RM4 Min.RM8 Min.RM50 – berbeza mengikut lokasi
No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum																																	
5.	Laporan (Fi Pemprosesan setiap transaksi) <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Pengesahan Harian • Laporan Keuntungan Hujung Bulan Pra-penghantaran • Laporan Suku Penggal Pasca-penghantran 	RM5 RM10 RM10																																	
6.	Kemaskini atas talian untuk transaksi ECR- <i>i</i> Pra-penghantaran <ul style="list-style-type: none"> • Penyerahan • Pembayaran • Pembayaran Sebahagian • Penyelesaian awal • Penebusan Pasca-penghantaran <ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan Semula • Penyelesaian Awal • Penebusan 	RM10 RM10 RM10 RM10 RM10 RM10 RM10 RM10																																	
7.	Lain-lain <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan untuk menaikkan Had Pentadbiran (lebih daripada RM100 Juta) • Kelulusan Khas • Fi Pengendalian • Fi Penghantaran 	RM200 RM50 RM50 RM5																																	
8.	Duti Setem	Seperti Akta Setem 1949 di Malaysia dan/atau keperluan penyeteman di negara lain (jika berkaitan)																																	
9.	Caj SWIFT	RM70																																	
10.	Fi Pengesahan Audit	RM100																																	
11.	Fi Surat/Penyata Penebusan	RM50 (Pelanggan PKS)																																	
12.	Fi Surat Sokongan	RM100 (Pelanggan PKS)																																	
13.	Fi Guaman	Mengikut caj sebenar yang dikenakan oleh penguam																																	
14.	Pos / Caj Penghantaran <u>Pihak Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Mel Biasa • Mel Berdaftar • Perkhidmatan kiriman cepat/Serahan tangan <u>Pihak Asing</u> <ul style="list-style-type: none"> • Mel Biasa • Mel Berdaftar • Perkhidmatan kiriman cepat 	Min.RM3 Min.RM6 Min.RM7 Min.RM4 Min.RM8 Min.RM50 – berbeza mengikut lokasi																																	

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawaian fi dan caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan Islam. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan anda, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

6. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Kami akan mengenakan pampasan pembayaran lewat:

Sebelum Tarikh Matang

Kerugian sebenar bank atau sehingga kadar satu peratus (1%) setahun:-

i. keatas bayaran ansuran tertunggak semasa Tempoh Kemudahan; atau

Formula: Bayaran bayaran ansuran tertunggak x sehingga 1% x Bil. hari lewat/ *365

ii. keatas baki belum jelas apabila berlaku kemungkiran yang menyebabkan keseluruhan Kemudahan ditarik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh matang;

Formula: **Baki Belum Jelas x sehingga 1% x Bil. hari lewat/ *365

Selepas Tarikh Matang / Selepas Penghakiman

Kerugian sebenar bank atau kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM") atau kadar lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:-

i. keatas baki belum jelas melampaui tempoh matang kemudahan; atau

Formula: **Baki Belum Jelas x IIMM% Semasa x Bil. hari lewat / *365

ii. keatas baki belum jelas selepas penghakiman walaupun tidak melaupai tempoh matang Kemudahan.

Formula: ***Jumlah Penghakiman x IIMM% Semasa x Bil. hari lewat / *365

Pampasan untuk Pembayaran Lewat tidak akan digandakan.

Nota: *Berubah tertakluk kepada mata wang pembiayaan

**Baki Belum Jelas = Kos Belum Jelas + Keuntungan Terakru

***Jumlah Penghakiman sama dengan Jumlah Belum Jelas

7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Kami akan memberikan rebat (*ibra'*) keatas:

- Keuntungan untuk perbezaan antara keuntungan pada CR setahun dan EPR semasa yang ditetapkan;
- Kos (Harga Belian Pihak Bank) dan keuntungan yang bersesuaian mengenainya sekiranya kemudahan tersebut tidak dikeluarkan sepenuhnya selepas tarikh luput tempoh ketersediaan; dan
- Keuntungan untuk penyelesaian awal terhadap Harga Jualan pihak Bank atau disebabkan oleh penamatan kemudahan, penyusunan semula kemudahan. Sekiranya berlaku keingkaran, pembatalan, penebusan, pembayaran sebelum tarikh matang.

Formula *ibra'* (rebat) untuk penyelesaian awal = Keuntungan Tertunda + *ibra'* Sebenar kerana turun naik EPR (jika berkenaan) – caj penyelesaian awal (jika berkenaan)

Jumlah Penyelesaian = Harga Jualan Belum Jelas + Ansuran Tertunggak + Pampasan Bayaran Lewat/ *Ta'widh* (jika berkenaan) – *ibra'*

8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

Tidak perlu.

9. Apakah risiko – risiko utama yang perlu saya tanggung?

- Kadar Keuntungan Efektif kami mungkin tertakluk kepada turun naik dalam tempoh pembiayaan. Walau bagaimanapun, kadar tersebut tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Siling.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda untuk mendapatkan kembali keberhutangan yang antara lain termasuk, mendapatkan penghakiman dan penguatkuasaan penghakiman seperti writ penyitaan dan penjualan, yang digarnis, pembubaran dan tindakan kebangkrutan.
- Kegagalan menjelaskan segala hutang terhadap pihak Bank dibawah kemudahan pembiayaan akan memberi kesan terhadap rekod penarafan kredit anda.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang, atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat
Export-Import Bank of Malaysia Berhad
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Faks: +603-26012469
Laman Sesawang: www.exim.com.my

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai Pembiayaan Semula Eksport Kredit-/boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: www.exim.com.my.

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Faks: +603-26012469

13. Apakah jenis produk pembiayaan rentas sempadan lain yang ditawarkan?

- Pembiayaan Pembekal-*i*
- Resit Amanah-*i*
- Pembiayaan IDB-Co
- Skim Pembiayaan Vendor-*i*

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT DENGAN TETAP

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 31 Julai 2021.